

ENCIK MUHAMMAD HAFIZ NASIR: Pelajar ITE yang berjaya ke universiti. – Foto INIAZ RAHIM



PANDANGAN

Mahasiswa imbas 'perjalanan' daripada ITE ke SIT

MUHAMMAD HAFIZ NASIR

SEMASA di sekolah menengah saya diletakkan dalam aliran Normal Teknikal.

Selepas tamat peperiksaan peringkat N, pilihan saya hanya ke Institut Pendidikan Teknikal (ITE) namun saya tidak lihat laluan itu sebagai jalan mati.

ITE memberi saya peluang melanjutkan pengajian.

Sejak kecil lagi saya gemar bertukang, memperbaiki apa-apa barang yang rosak.

Dari situlah muncul keinginan menjadi jurutera namun saya agak kecewa kerana kursus kejuruteraan aeroangkasa yang saya inginkan tidak kesampaian. Saya ditawarkan pula kursus kejuruteraan mekatronik.

Saya sedar kursus ini juga boleh memberi saya harapan menyertai industri aeroangkasa justeru saya terima tawaran itu.

Biarpun saya hampa tidak dapat kursus yang saya inginkan, ITE menawarkan pelbagai peluang yang memberi saya harapan.

Awalnya, saya menyangka pelajar ITE hanya boleh memperolehi sijil Nitec dan kemudiannya Nitec Lanjutan.

Namun saya dimaklumkan tentang skim yang membuka peluang bagi saya melanjutkan pengajian ke politeknik jika saya mendapat keputusan yang baik bagi Nitec.

Itulah matlamat saya – mendapat kepu-

tusan baik di ITE supaya saya dapat ke politeknik.

Saya akhirnya berjaya mendapat GPA 3.797 dan dengan gred tambahan GPA 0.2 kerana mewakili sekolah dalam floorball saya berjaya masuk ke Politeknik Nanyang.

Semasa di politeknik saya bertekad melakukan yang terbaik.

Saya mahu membuktikan pelajar ITE juga mempunyai peluang mendapatkan diploma.

Pada ketika itu saya tidak terfikir pelajar ITE boleh mendapatkan ijazah namun pensyarah saya di politeknik, Encik Cassim, memberi saya dorongan supaya melanjutkan pengajian ke peringkat universiti.

Saya akhirnya berjaya mendapat tempat di Institut Teknologi Singapura (SIT).

Selepas menjalani Perkhidmatan Negara, saya menyertai SIT, Universiti Glasgow dalam jurusan Kejuruteraan Rekaan Mekanikal di mana saya menemui minat dalam rekaan dan lukisan menggunakan reka bentuk bantuan komputer (CAD).

Jelas pengalaman pembelajaran di universiti bukan mudah, mujur saya ada sekumpulan teman yang saling membantu.

Ibu saya juga penyokong utama sepanjang perjalanan pendidikan saya.

Beliau selalu ingatkan supaya saya lakukan yang terbaik dan sering mendorong saya supaya cuba mencapai tahap yang lebih tinggi dalam kehidupan.

Nasihat saya kepada pelajar yang berada dalam aliran Normal Teknikal ialah agar mereka tidak berputus asa dalam pelajaran.

Masih ada harapan jika kita gagal, kegagalan merupakan proses pembelajaran.

Kegagalan memberi kita peluang menilai kebolehan kita dan memperbaiki kesilapan.

Saya sendiri sering gagal dalam Matematik di sekolah rendah.

Namun saya tidak pernah berputus asa dan terus berlatih dan bertanya guru sekiranya ada yang saya tidak fahami – akhirnya saya berjaya lulus dalam mata pelajaran yang paling saya benci.

Usah berdiam diri semasa belajar, usah pendamkan masalah. Jika anda kurang pasti minta bantuan guru atau rakan-rakan.

Saya berharap generasi muda kita tidak akan berputus asa dalam pelajaran.

Sediakan rancangan apa yang anda mahu capai dalam tempoh 10 tahun dan wujudkan harapan bahawa siapa tahu dalam masa 10 tahun akan datang anda boleh berjaya.

Tiada apa yang boleh menghalang anda daripada mencapai matlamat hidup anda, kecuali jika anda menyerah kalah.

► Penulis penuntut Institut Teknologi Singapura (SIT) Universiti Glasgow. Kisah beliau ditukil Menteri Pendidikan Ng Chee Meng dalam wawancara bersama Berita Minggu baru-baru ini.